



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
KPWKM TAHUN 2022**

**TARIKH : 20 JUN 2023 (SELASA)**

**MASA : 9.00 PAGI**

**TEMPAT : BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE  
BANGI, SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahiim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

### **[SALUTASI DISEDIAKAN]**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat sama-sama berkumpul dalam **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)** pada hari yang amat bermakna ini.
2. Saya amat berbesar hati kerana diberikan kesempatan untuk meraikan dan menyampaikan **Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada penerima APC Tahun 2022 KPWKM** yang telah menunjukkan prestasi dan pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2022.

3. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada **649 penerima** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diraikan pada tahun ini yang terdiri daripada **warga Kementerian (seramai 23 orang), Jabatan Kebajikan Masyarakat (529 orang), Jabatan Pembangunan Wanita (18 orang), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (73 orang) dan Institut Sosial Negara (6 orang)**. Semoga pengiktirafan ini akan terus menyuntik semangat dan inspirasi kepada semua warga KPWKM untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

## **PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Penganjuran Majlis APC ini merupakan satu manifestasi keprihatinan Kerajaan terhadap penjawat awam yang berkualiti, dinamik dan berprestasi tinggi. Sesungguhnya majlis ini diadakan khas untuk mengiktiraf sumbangan dan jasa bakti tuan-tuan dan puan-puan yang telah menunjukkan pencapaian dan dedikasi yang tinggi sepanjang tahun 2022.

5. Saya berharap agar pengiktirafan dan penghargaan ini akan menjadi pembakar semangat dan pencetus azam bukan sahaja untuk penerima anugerah tetapi juga untuk seluruh warga KPWKM untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

**NILAI K.A.S.I.H SEBAGAI PEMANGKIN  
KECEMERLANGAN MODAL INSAN**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Konsep MALAYSIA MADANI diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan ke arah kebaikan demi membangun Malaysia terutama rakyatnya menjadi sebuah negara yang **Mampan, Sejahtera, Berdaya Cipta, Saling Menghormati** serta bersikap **Ihsan** berdasarkan **Keyakinan** antara satu sama lain serta **Kepercayaan** antara Kerajaan dan rakyat atas dasar ketelusan dan kerjasama.

7. Mendukung aspirasi Malaysia MADANI, KPWKM juga mempunyai nilai **K.A.S.I.H** bagi menzahirkan pertautan nilai-nilai murni yang mengukuhkan lagi peranan KPWKM sebagai peneraju utama dalam pembangunan masyarakat ke arah kemakmuran bersama. **K.A.S.I.H** membawa maksud:

**K = Kasih sayang;**

**A = Akhlak;**

**S = Sihat dan selamat;**

**I = Ilmu; dan**

**H = Harmoni.**

8. **K.A.S.I.H** bukan sahaja selari dengan hasrat Malaysia Madani melalui kesejahteraan rakyat serta keterangkuman sosial, tetapi turut boleh diterapkan bagi memangkin modal insan yang cemerlang. Penerapan nilai KASIH bermula dalam institusi kekeluargaan yang kemudiannya dilanjutkan kepada organisasi tempat kerja akan menghasilkan tenaga kerja yang produktif dan sejahtera.

9. Saya ingin fokuskan kepada salah satu nilai pada hari ini iaitu nilai **kasih sayang**. Nilai **kasih sayang** bukan sahaja merujuk kepada rasa sayang antara individu, tetapi dalam konteks perkhidmatan awam, ia meletakkan ekspektasi agar penjawat awam khususnya warga KPWKM meletakkan rasa sayang terhadap pekerjaan yang diamanahkan. Apabila kita sayangkan pekerjaan kita nescaya apa jua tugas yang diamanahkan akan dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.
  
10. *Core business* KPWKM ialah memberikan bantuan kepada pelanggan utama kita iaitu rakyat. Dalam menyantuni kumpulan sasaran Kementerian ini, **kasih sayang** akan mempengaruhi kualiti perkhidmatan yang disampaikan. Dengan mengamalkan nilai-nilai ini, kita bukan sahaja membantu Kementerian dalam aspek penyampaian perkhidmatan tetapi turut akan membantu dalam sentiasa menegakkan integriti kami sebagai penjawat awam.
  
11. Kecemerlangan modal insan turut memerlukan pengamalan gaya hidup yang **sihat** serta persekitaran kerja yang **selamat**. Isu atau masalah kesihatan mental serta tekanan emosi antara isu kesihatan

awam yang menjadi semakin penting terutamanya selepas pandemik COVID-19.

12. Menurut World Health Organization (2022), dianggarkan 12 bilion hari bekerja hilang setiap tahun di seluruh dunia, akibat masalah kesihatan terutamanya masalah mental (*depression dan anxiety*). Justeru, saya menyeru tuan/puan untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan menjaga kesihatan fizikal dan mental. Pentingnya juga untuk mengamalkan **kasih sayang** diri atau *self-love*.
  
13. Sehubungan dengan itu, **K.A.S.I.H** oleh KPWKM ini bukan sahaja dapat mengerat dan mensejahterakan hubungan kekeluargaan malah **menjadi pemangkin kepada kecemerlangan modal insan yang berkualiti tinggi, berkemahiran dan berpengetahuan** serta kreatif dan inovatif ke arah mendokong prinsip dan konsep MALAYSIA MADANI.

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

14. Akhir kata, sekali lagi **TAHNIAH** dan **SYABAS** saya ucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi Tahun 2022. Semoga prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan menjadi contoh kepada semua warga Kementerian yang lain dan memberi impak yang positif ke arah kecemerlangan Kementerian ini secara keseluruhan demi merealisasikan penyampaian perkhidmatan yang akan mensejahterakan rakyat dan memakmurkan negara selaras dengan nilai yang diterapkan dalam **MALAYSIA MADANI**.

15. Dengan lafaz Bismillahirohmannirahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPWKM bagi Tahun 2022.

Sekian. Wabillahitaufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.